

22 APR 2002
Zahir-Mahathir
DR MAHATHIR PEMIMPIN YANG MENDAHULUI ZAMAN

MELAKA, 22 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah seorang pemimpin berwibawa, mempunyai cita-cita dan minda yang mampu mendahului zaman sehingga begitu sukar bagi kebanyakan orang mengikutinya, kata Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail.

Beliau memberikan contoh pengwujudan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai antara idea unik dan terkehadapan Perdana Menteri.

Sehinggakan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Microsoft Corporation, Bill Gates memberi komitmennya untuk menawarkan pelaburan maksimum kepada MSC, katanya semasa merasmikan Kolokium Pemikiran Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Beliau berkata Dr Mahathir telah mula mencetuskan ideanya sebelum menjadi anggota kerajaan lagi dengan menulis dalam akhbar-akhbar utama seperti Straits Times dan Utusan Melayu sejak tahun 1946 hingga 1950.

"Cetusan idea beliau yang menjadi perhatian dan perbincangan umum sehingga sekarang ialah di dalam bukunya 'The Malay Dilemma'," katanya.

Mohamed Zahir berkata wawasan Dr Mahathir terhadap bangsa Melayu adalah bagi memastikan Melayu terus maju terutamanya dalam sajaknya "Melayu Mudah Lupa", mempunyai masa depan cemerlang, tidak tertinggal kebelakang dan yakin Melayu boleh melakukan apa saja seperti bangsa lain yang maju di dunia.

Beliau berkata atas kejayaan Dr Mahathir, Malaysia mulai dilihat sebagai sebuah negara istimewa sehinggakan dua tokoh dunia - Presiden Amerika Syarikat George W Bush dan Perdana Menteri Britain Tony Blair - menghubunginya untuk meminta pandangan mengenai krisis yang berlaku di Afghanistan.

Begitu juga pelantikan beliau sebagai jurucakap Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dalam menyuarakan pendapat mereka kepada Bush mengenai masalah penghapusan keganasan antarabangsa.

"Tidak ramai ketua negara yang diberi penghormatan sebegitu rupa

oleh Bush dan Blair. Walaupun ada pihak yang masih memperkecil-kecilkan segala khidmat yang diberikan olehnya, sehingga ada yang tidak mengiktirafnya, Dr Mahathir tidak mudah patah semangat," katanya.

Mohamed Zahir berkata adalah tidak keterlaluan jika dikatakan kemahsyuran Malaysia di mata dunia adalah disebabkan kepintaran Dr Mahathir memerintah negara dengan membawa Malaysia dalam acuannya sendiri.

Katanya pemikiran Dr Mahathir mencakupi pelbagai bidang antaranya mengenai ekonomi, politik, sains dan teknologi, Islam, orang Melayu, pembangunan wanita dan keluarga, pendidikan serta Wawasan 2020.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Datuk Dr Mahadzir Mohamed Khir antara pembentang kertas kerjanya pada kolokium itu pada sidang berita kemudian berkata Dr Mahathir merupakan pemimpin dua abad - abad ke-20 dan abad ke-21.

Pengisian idea beliau untuk abad ke-21 dilihat dalam pemikirannya untuk membangun dan memajukan negara melalui Wawasan 2020, katanya.

Beliau berkata sukar untuk membuat perbandingan antara Dr Mahathir dan pemimpin yang lain, dalam pentadbirannya selama 20 tahun, Perdana Menteri telah mewujudkan kerjasama semua rakyat Malaysia untuk membangunkan negara.

Seorang lagi pembentang kertas kerja, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohamed Ali Rustam pada sidang akhbar berkata pandangan dan pemikiran Dr Mahathir sentiasa dihormati dan digeruni oleh kawan dan lawan.

"Pemikirannya untuk mewujudkan hubungan baik di kalangan negara serantau dapat dilihat dalam ideanya 'Memakmurkan Jiran' dan ini membuatkan Malaysia sentiasa dihormati di kalangan negara jiran," katanya.

-- BERNAMA

SBS RON